

Kata Kunci:
Ibadah
Mati / Ajal
Amal
Takwa



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

26 Disember 2025 / 5 Rejab 1447H

Meniti Kehidupan, Mengingati Pengakhiran

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا بِالتَّقْوَى وَالْخُلُقِ
الْكَرِيمِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Zumratal mukminin rahimakumullah,

Tingkatkanlah **ketakwaan** kita kepada Allah s.w.t. Laksanakan segala perintah-Nya dan jauhilah segala larangan-Nya. Serulah kepada kebaikan dan cegah setiap kemungkaran. Peliharalah keikhlasan dalam setiap **amalan**. Bantulah mereka yang memerlukan dan berdoalah memohon keredaan Allah. Hiasilah diri kita dengan sifat rendah hati pada setiap masa. Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kepada kita semua pengakhiran yang baik bagi kehidupan dunia yang sementara. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Dalam setiap khutbah yang disampaikan, pasti terkandung pesanan agar kita **bertakwa**. Perhatikan antara ayat yang sering disebutkan, iaitu firman Allah s.w.t. dalam Surah Ali 'Imran, ayat 102:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ ۚ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Yang bermaksud: “*Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dengan sebenar-benar takwa, dan janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.*”

Saban minggu kita mendengar pesanan ini. Namun, pernahkah kita bertanya: *adakah kita benar-benar telah menghayati maknanya? Adakah kita benar-benar bertakwa kepada Allah s.w.t. sebagaimana yang sepatutnya? Dan sekiranya kita diundang kembali kepada Allah s.w.t. pada bila-bila masa, yakinkah kita bahawa kita akan mati sebagai seorang Muslim yang sejati, yang bertakwa, yang taat, dan yang bersifat mulia?*

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Kita hidup pada hari ini dalam sebuah dunia yang penuh dengan pelbagai gangguan. Gangguan ini datang dalam pelbagai bentuk – daripada perkembangan dunia, alat digital, tuntutan pekerjaan dan kehidupan harian. Jika kita tidak peka, kita boleh hanyut dalam lautan gangguan ini, sehingga akhirnya kita kehilangan tumpuan terhadap tujuan utama kewujudan kita, iaitu untuk **beribadah** kepada Allah s.w.t.

Kita bekerja bersungguh-sungguh demi mencari rezeki, namun dalam kesibukan itu, mungkin kita terlupa untuk mensyukuri Pemberi segala rezeki. Kita berusaha melindungi apa yang kita anggap paling penting dalam hidup – keluarga, harta dan kesihatan – namun dalam usaha tersebut, kita mungkin terlupa untuk memohon perlindungan daripada Tuhan yang Maha Pelindung.

Kita mungkin telah menganggap nikmat-nikmat yang Allah s.w.t. kurniakan seolah-olah ia adalah milik kita secara mutlak, sehingga kita terlupa bahawa Allah s.w.t. lah yang memberi dan boleh mengambil kembali nikmat tersebut menurut kehendak-Nya. Kita mungkin melakukan dan melengahkan kebaikan dengan anggapan bahawa masih banyak masa untuk berbuat demikian, atau melakukan dosa dengan sangkaan bahawa masih banyak masa untuk bertaubat.

Saudaraku,

Hakikatnya adalah kita langsung tidak mengetahui berapa lama lagikah kita akan hidup di muka bumi ini. **Kematian** adalah suatu kepastian, dan ia mungkin datang pada saat yang paling tidak dijangkakan. **Kematian** tidak mengenal usia, tahap kesihatan, kekayaan mahupun kedudukan. **Kematian** tidak menunggu seseorang itu mencapai tahap iman atau **ketakwaan** yang sempurna. Umur setiap kita telah ditentukan, dan **kematian** akan datang tepat pada waktunya.

Oleh itu, hendaklah kita meniti setiap hari-hari kita dengan kesedaran akan pengakhiran hidup kita, serta bersedia menghadapinya dengan sentiasa berusaha untuk **beribadah** kepada Allah s.w.t. dan memperbanyakkan **amal** soleh.

Seorang sahabat Nabi Muhammad s.a.w. yang bernama Ibn Umar r.a. pernah berpesan: *“Apabila engkau berada di waktu petang, maka janganlah engkau menunggu datangnya waktu pagi. Dan apabila engkau berada di waktu pagi, maka janganlah engkau menunggu datangnya waktu petang.”*

Oleh itu saudaraku, usahlah menunggu hari esok, lusa atau tahun hadapan untuk berusaha ke arah pembaikan. Mulakanlah ia sekarang juga. Setiap hari, kita harus berusaha untuk menjadi Muslim yang lebih baik daripada semalam. Setiap hari adalah peluang baharu untuk memperbaiki hubungan kita dengan Allah, menguatkan **ibadah** kita, menyucikan hati kita, dan mengisi buku **amalan** kita dengan kebaikan.

Setiap detik yang kita gunakan untuk **beribadah**, mengingat Allah, dan melakukan kebaikan adalah detik yang mendekatkan kita kepada-Nya. Janganlah kita melengah-lengahkan detik-detik yang berharga ini, kerana kita sendiri tidak tahu bilakah **ajal** kita. Dan apabila masanya tiba, kita ingin bertemu Allah dalam keadaan tunduk dan taat, rendah hati dan penuh keikhlasan.

Saudara yang dikasihi Allah sekalian,

Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: *“Apabila Allah menghendaki kebaikan bagi seorang hamba, Dia akan menggerakkannya untuk **beramal**.”* Lalu Baginda ditanya, *“Bagaimanakah Allah menggerakkannya, wahai Rasulullah?”* Baginda menjawab, *“Dengan memberi taufik kepadanya untuk melakukan **amal** soleh sebelum **kematiannya**.”* (Riwayat at-Tirmizi)

Sekiranya kita masih belum merasakan dorongan dalam diri untuk melakukan kebaikan, ia mungkin merupakan satu tanda bahawa terdapat kelemahan dalam hubungan kita dengan Allah. Ia menuntut kita untuk bermuhasabah dengan mendalam terhadap **ibadah** kita dan berusaha untuk kembali kepada tujuan sebenar kehidupan.

Di saat sekalian manusia menunggu akhir tahun melabuhkan tirainya, seorang Muslim seharusnya terus bangkit, menggunakan setiap hari untuk berusaha memperbanyakkan **amal** kebaikan. Terutama sekali, dengan kedatangan bulan Rejab, iaitu antara bulan haram yang agung di sisi Allah. Bagi kita, inilah tanda permulaan musim kerohanian dan ketaatan yang telah lama dinanti-nantikan.

Semoga Allah s.w.t. membimbing kita semua menjadi hamba-hamba yang sentiasa **beramal** soleh dan berusaha meraih keredaan-Nya. Semoga Allah s.w.t. menjadikan kita dalam kalangan mereka yang benar-benar **bertakwa** kepada-Nya

sebagaimana yang sepatutnya, dan mengurniakan kepada kita pengakhiran yang mulia – kembali kepada-Nya sebagai Muslim yang sejati, yang **bertakwa**, yang taat, dan yang bersifat mulia. Amin, ya Rabbal ‘Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْغَرِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَآةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنْ مَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمَحَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنِ بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعِفِينَ فِي عَزَّةٍ وَفِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ بَدِّلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَحُزْرَهُمْ فَرَحًا، وَهَمَّهُمْ فَرَجًا، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اكْتُبِ السَّلَامَ وَالْأَمْنَ وَالْأَمَانَ لِلْعَالَمِ كُلِّهِ

وَلِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.